چانغ
CANANG
OGOS 2020

"Pada tahun ini dengan perasaan yang amat berat, kita telah menangguhkan ibadat haji ke Baitullah. Ini juga adalah satu jenis ujian untuk menguji kesabaran kita, kerana pada zahirnya, penangguhan ini adalah seperti satu kerugian, tetapi apabila kita menerimanya dengan sabar, maka tidak mustahil Allah akan menukar kerugian itu dengan keuntungan, berdasarkan niat kita dari awal-awal lagi ialah untuk melakukan keta'atan kepada Allah, tetapi dengan takdir-Nya jua niat yang baik itu terhalang oleh keadaan.

Allah Yang Maha Pemurah, akan menulis ganjaran pahala bagi hamba-Nya yang berniat untuk melakukan amal salih, walaupun dia belum melaksanakan niatnya itu. Sebaliknya hamba yang berniat untuk melakukan kejahatan tidak akan ditulis kejahatannya kecuali setelah dia melaksanakan niat jahatnya itu.

Inilah tanda kepemurahan Allah, Dia mengurniakan ganjaran upah kerana niat yang baik, walaupun belum berlaku lagi sebarang amal melaksanakan niat baik itu. Begitu juga tanda keadilan dan belas kasihan Allah, Dia tidak atau belum menghukum sesiapa yang berniat jahat, selama mana niat jahat itu belum dilaksanakan menjadi kenyataan.

Jadi, penangguhan untuk menunaikan ibadat haji bagi mereka yang telah tersenarai pada tahun ini janganlah merasa kecewa atau berdukacita, berdasarkan niat baik mereka telahpun terpahat di sisi Allah untuk diberikan ganjaran pahala menurut kehendak-Nya. Penangguhan berlaku adalah kerana perkara 'keselamatan'."

Petikan Titah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena
Sambutan Hari Raya Aidiladha
Bagi Tahun 1441h/2020m

83 ASNAF TERIMA AGIHAN DAGING KORBAN

BERAKAS, Ahad, 2 Ogos 2020 - Jawatankuasa Takmir Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri mengagihkan daging ibadah korban kepada 83 asnaf fakir dan miskin, terdiri daripada penduduk kampung berkenaan.

Majlis pengagihan daging korban berkenaan dianjurkan dengan kerjasama Muslimah serta Belia dan Beliawanis masjid tersebut.

Hadir selaku tetamu khas, seterusnya menyampaikan pengagihan daging korban tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Haji Maidin bin Pengiran Haji Said.

Terdahulu, acara tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan laungan takbir Hari Raya Aidiladha.

Sebanyak 13 ekor kerbau, dua ekor sapi dan seekor kambing dikorbankan pada majlis tersebut.

Ibadah korban tersebut melibatkan seramai 106 peserta, terdiri daripada warga Daerah.

25 FAKIR MISKIN TERIMA AGIHAN DAGING KORBAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Ogos 2020 - Ibadah korban merupakan ibadah sunat yang sangat dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk dilaksanakan sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha pada 10 Zulhijah dan hari-hari Tasyrik setiap tahun.

Dalam meraih pahala melaksanakan tuntutan tersebut, pelbagai pihak tidak ketinggalan dalam sama-sama mengungkayahkan Majlis Ibadah Korban di negara ini.

Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga mengadakan Majlis Penyerahan Daging Ibadah Korban berlangsung di Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung, MPK Sungai Bunga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan daging-daging ibadah korban kepada mereka yang berhak menerimanya ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Seramai 25 orang terdiri daripada fakir dan miskin di kampung berkenaan menerima agihan daging-daging korban pada majlis tersebut.

Pemangku Ketua Kampung Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Salleh dalam ucapan alu-aluannya menyatakan majlis tersebut adalah julung kalinya diungkayahkan oleh MPK Sungai Bunga dan insyaaAllah, majlis ini akan di-masukkan ke dalam kalendar aktiviti tahunan MPK Sungai Bunga.

Tambahnya, sebanyak tiga ekor lembu dikorbankan, di mana daging-daging korban tersebut sebahagiannya akan diserahkan kepada para penerima yang berhak menerimanya dan sebahagiannya lagi akan dihantar ke rumah mereka masing-masing.

"Ini adalah kerana 'kitani' ingin mengambil langkah berjaga-jaga dan mengelakkan daripada berkumpul lebih daripada had yang dibenarkan oleh pihak berwajib bagi membendung penularan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia," ujarnya.

Beliau menjelaskan, tuntutan dan kelebihan yang terdapat dalam ibadah korban itu sendiri, hikmah dan kesannya dalam masyarakat kita sangat besar di antaranya mampu melahirkan solidariti, melahirkan rasa belas kasihan, suka berkongsi rezeki, bantu-membantu dan berbagai-bagai sifat murni dapat ditanam, sama ada dalam diri masyarakat melalui ibadah korban.

Oleh itu ujarnya, MPK Sungai Bunga akan terus menggalakkan warga MPK dan biro-biro di bawahnya serta warga kampung yang mempunyai kelebihan rezeki untuk sama-sama melaksanakan tuntutan ini dengan mengadakan sistem kutipan atau tabungan bulanan, khusus untuk diniatkan ibadah korban.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan laungan takbir Hari Raya Aidiladha, yang dipimpin oleh Imam Masjid kampung berkenaan, Pengiran Mohd. Fadzillah bin Pengiran Mahmud.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, Penghulu Mukim Kota Batu dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh dan merangkap Penasihat MPK Sungai Bunga.

TINJAU KESAN RIBUT TIMPA RUMAH PANJANG APAK-APAK

BELAIT, Isnin, 3 Ogos 2020 - Sebanyak empat buah pintu daripada 22 buah pintu di Rumah Panjang Apak-Apak, Kampung Bang Taong, Mukim Sukang, di sini, mengalami kerosakan struktur-struktur atap akibat kejadian angin kencang yang berlaku pada petang Khamis, 30 Julai 2020 lalu.

Susulan daripada kejadian tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, pagi tadi membuat lawatan ke rumah panjang berkenaan bagi meninjau lebih dekat kawasan-kawasan yang terjejas.

Berikutan kejadian tersebut, tindakan bersepadu agensi-agensi kerajaan yang diketuai oleh Pegawai Daerah Belait dengan bantuan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Cawangan Sungai Liang dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) bertindak pada 31 Julai 2020 lalu dengan menutup keseluruhan bahagian rumah panjang yang terjejas berkenaan dengan kanvas kalis air.

Perkara itu antara yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam temu bual bersama pihak media sejurus mengadakan lawatan berkenaan, di samping itu tambahnya, pihak-pihak agensi berkenaan yang terlibat juga telah membuat penilaian lanjut bagi membaik pulih kerosakan ke atas empat buah pintu yang terjejas tersebut.

''Namun apa yang membanggakan ialah tempat ini dihuni oleh ramai kalangan saudara mara mereka, dari itu mereka ini juga turut memberikan bantuan kepada keluarga mangsa dengan tolong-menolong antara satu sama lain, dan usaha serta amalan seumpama ini adalah diharap akan dapat diteruskan, lebih-lebih lagi ketika menghadapi kejadian atau musibah seperti ini yang telah menimpa beberapa keluarga di rumah ini,'' jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga dalam temu bualnya bersama pihak media menjelaskan bahawa pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) akan sama-sama berusaha memberikan bantuan yang sewajarnya kepada keluarga mangsa yang terlibat dalam kejadian ini.

''Saya turut merasa simpati atas kejadian yang berlaku, inshaaAllah, pihak JAPEM akan membuat penyelidikan khusus dalam memberikan bantuan tambahan kepada pihak KHEDN untuk menilai beberapa aspek tertentu dan melaksanakan beberapa bantuan dengan sesegeranya, di samping itu pihak JAPEM juga turut memberikan bantuan lain berupa makanan asasi kepada para mangsa yang ditimpa musibah,'' terang Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan empat unit lampu solar dan alat pemadam api kepada penghuni rumah panjang yang terjejas berkenaan.

Manakala Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menyampaikan sumbangan bantuan berupa catuan makanan dari JAPEM kepada penghuni rumah panjang yang terjejas oleh angin kencang untuk kebajikan dan kesejahteraan mereka.

Hadir sama bagi menyertai lawatan kerja tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi; Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang) KHEDN, Awang Md. Amir Hairil bin Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah) KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut; Setiausaha Tetap KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah) KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN; Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin; Pemangku Pengarah NDMC; Penghulu dan Ketua-ketua Kampung di Mukim Sukang serta pegawai-pegawai agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

KKBS AGIHKAN DAGING KORBAN KEPADA PENERIMA YANG BERHAK

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos 2020 - Aidiladha dan ibadah hari-hari Tasyrik, antara lain mendidik jiwa untuk berserah sepenuhnya kepada kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, sifat takwa, reda dan melahirkan rasa syukur kepada-Nya.

Sehubungan itu, dalam sama-sama menyemarakkan Sambutan Hari Raya Aidiladha, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Korban, yang bertempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Pengagihan daging korban disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat majlis.

Sebanyak tujuh ekor sapi dikorbankan pada tahun ini dan diagih-agihkan kepada seramai 359 orang terdiri daripada golongan fakir miskin, anak-anak yatim dan warga KKBS.

Manakala seramai 179 orang menerima pengagihan daging korban di rumah kediaman masing-masing di keempat-empat daerah.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi bin Haji Wahsalfelah; dan Pengarah Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Kolonel (B) Pengiran Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail. Turut hadir, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai serta kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan laungan Takbir Hari Raya yang diketuai oleh Tenaga Pengajar Al-Quran, Jabatan Belia dan Sukan, Awang Abd. Halim bin Haji Fuad.

Sementara itu, majlis juga dilaksanakan di dua buah tempat berasingan secara serentak untuk mengambil kira langkah berjaga-jaga dan pelaksanaan pelan 'de-escalation' COVID-19, iaitu di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pusataka, Berakas, yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud. Manakala, di Dewan Teater Arkib, Jabatan Muzium-Muzium, disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KKBS, Pengiran Haji Mohammad Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

MANGSA KEJADIAN BENCANA ATAP TERBANG TERIMA BANTUAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Ogos 2020 - Majlis penyerahan bantuan kewangan kerajaan kepada mangsa bencana angin kencang dan atap terbang yang berlaku di Rumah Panjang Apak-Apak, Kampung Bang Taung, Mukim Sukang, Daerah Belait pada 30 Julai 2020 yang lalu telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang berlangsung di Bilik Kunjungan, KKBS.

Hadir bagi menyampaikan bantuan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin kepada ketua-ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian tersebut iaitu Sulaiman anak Ngadi; Ismail anak Ngadi; Taip anak Ikih dan Jala anak Ikih. Majlis juga turut dihadiri oleh Pegawai-pegawai dari JAPEM.

Pemberian bantuan kewangan ini sedikit sebanyak membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa bagi meneruskan kehidupan seharian. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

ARKIB NEGARA TERIMA GAMBAR KOLEKSI ARKIB SYARIKAT BSP

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Ogos 2020- Lebih 30,000 keping gambar daripada koleksi arkib Syarikat Minyak Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP) diserahkan kepada Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada Majlis Penyerahan Rasmi Koleksi Gambar Arkib Syarikat Minyak BSP Sdn. Bhd. kepada Arkib Negara Brunei Darussalam.

Penyerahan yang berlangsung di Dewan Teater PDS, Arkib Negara Brunei Darussalam, Jalan Dewan Majlis, di sini, disempurnakan oleh Pengarah Urusan Syarikat Minyak BSP Sdn. Bhd., Dr. Ceri M. Powell kepada Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Dayang Nor Masitirena binti Haji Suhaini, dan disaksikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Turut hadir, Pegawai Tugas-Tugas Khas Arkib Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji 'Abdul Qudduus bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; dan Pemangku Ketua Pegawai Arkib, Jabatan Muzium-Muzium, Awang Haji Jefri bin Haji Sabli.

Terdahulu, Pengarah Urusan Syarikat Minyak BSP Sdn. Bhd. dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, koleksi -koleksi fotografi unik syarikat tersebut akan memberi akses kepada orang ramai dan institusi-institusi lain dengan memastikan kemampanan koleksi tersebut sebagai rekod kebangsaan yang penting.

Beliau seterusnya melahirkan keyakinan bahawa dengan kemampuan penyelidikan para profesional di Arkib Negara Brunei Darussalam, kisah-kisah yang lebih menakjubkan akan dihasilkan daripada koleksi arkib ini untuk menghormati masa lalu dan menyedari sumbangan yang telah mendorong masa depan NBD selama 90 tahun yang lalu.

Gambar-gambar yang diserahkan tersebut, menunjukkan suasana NBD seawal tahun 1920-an, apabila penemuan minyak pertama di Seria, termasuk batu peringatan telaga minyak pertama yang digali pada tahun 1929.

Sejarah perkembangan NBD juga turut dilihat melalui koleksi gambar-gambar berkenaan yang melihatkan sosioekonomi dan budaya, termasuk sejarah-sejarah penting berkaitan dengan lawatan-lawatan pembesar-pembesar negara ke NBD.

Sebuah tayangan video yang memaparkan antara koleksi gambar arkib Syarikat Minyak BSP Sdn. Bhd. turut dipertontonkan semasa majlis penyerahan rasmi tersebut.

Pentingnya gambar-gambar ini disimpan di Arkib Negara Brunei Darussalam, adalah untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan merupakan dokumen primer bukti sejarah yang dapat dilihat sampai masa ini, sesuai dengan misi penubuhan Arkib Negara Brunei Darussalam, iaitu sebagai 'Pusat sumber maklumat dan sumber penyelidikan negara dalam mengumpul, mengenal pasti dan memelihara rekod-rekod kerajaan dan awam yang mengandungi nilai-nilai sejarah, kebangsaan dan abadi sebagai ristaan untuk generasi dan warga NBD'.

Orang ramai bolehlah mengunjungi sebahagian koleksi gambar-gambar ini di Muzium Daerah Belait pada setiap Selasa hingga Khamis dan Sabtu hingga Ahad, antara jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

PERJUMPAAN SEMPENA TAMAT PERKHIDMATAN
DR.CERI POWELL, PENGARAH URUSAN, SYARIKAT BRUNEI SHELL PETROLEUM SDN.BHD (BSP)
6 Ogos 2020
PEJABAT MENTERI, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

LALUAN TAMBAHAN PROGRAM BANDARKU CERIA MUDAHKAN ORANG RAMAI BERIADAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Ogos 2020- Laluan Tambahan Program Bandarku Ceria akan diperkenalkan demi meluaskan lagi kawasan Bandarku Ceria, yang diadakan setiap Ahad bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 pagi, di samping menggalakkan serta memudahkan lagi orang ramai untuk beriadah bersama keluarga.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kolonel (B) Pengiran Haji Maidin bin Pengiran Haji Said semasa Sidang Media Tambahan Baharu Laluan Bandarku Ceria yang diadakan di Dewan Citra, Aras Bawah, Bangunan KKBS, di sini.

Menurut Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin, laluan tambahan tersebut adalah bertujuan untuk pengunjung, khususnya pekayuh basikal program tersebut berpeluang untuk menggunakan laluan jalan-jalan yang lebih mencabar dan tidak terhad kepada laluan yang sedia ada sebelum ini, selain bagi memudahkan para pengunjung untuk menggunakan letak kereta di mana-mana kawasan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Berakas.

Di samping itu jelasnya, untuk memeriahkan, menghidupkan dan menggerakkan suasana kawasan Kompleks SNHB, dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat dan sebagai 'starting / finishing point' bagi apa juga aktiviti yang berkaitan yang menggunakan platform Program Bandarku Ceria.

Laluan tambahan berkenaan ialah sejauh 5.20 kilometer yang melibatkan Jalan Menteri Besar, iaitu bermula dari Pusing Keliling Jabatan Perdana Menteri (JPM) sehingga lampu isyarat simpang empat berhadapan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP); Jalan Pusat Persidangan, iaitu belok kiri dari lampu isyarat simpang empat KSSUP melepasi bangunan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), belok kiri masuk Jalan Stadium dan belok kanan menuju tangga besar SNHB; Jalan Stadium, iaitu dari tangga besar SNHB, belok kiri memasuki Jalan Stadium semula melalui laluan yang sama menuju Pusing Keliling JPM; dan Pusing Keliling JPM yang dibukakan keseluruhannya.

Manakala jalan-jalan yang ditutup ialah Jalan Menteri Besar berhadapan dengan Istana Edinburgh; dari lampu isyarat persimpangan tiga Jalan Stadium menuju ke SNHB.

Sementara itu, jalan-jalan yang boleh digunakan oleh orang ramai yang hendak menuju ke Pusat Bandar ialah dari Kompleks Jabatan Kerajaan, belok kiri melalui JPM melimpasi Kementerian Pertahanan dan belok kanan di persimpangan tiga melimpasi Bangunan AITI dan memasuki Jalan Stadium menuju ke Pusing Keliling Pusat Da'wah Islamiah dan belok kiri ke Jalan Kebangsaan; dari Kompleks Jabatan Kerajaan belok kiri memasuki Jalan Pertahanan sehingga ke persimpangan tiga Jalan Perdana Menteri belok kanan seterusnya memasuki persimpangan tiga melimpasi Bangunan AITI dan memasuki Jalan Stadium menuju ke Pusing Keliling Pusat Da'wah Islamiah dan belok kiri ke Jalan Kebangsaan; dan dari Pusing Keliling Berakas belok kiri di persimpangan tiga melimpasi Bangunan AITI dan memasuki Jalan Stadium menuju ke Pusing Keliling Pusat Da'wah Islamiah dan belok kiri ke Jalan Kebangsaan.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk datang beramai-ramai ke Bandar Seri Begawan (BSB) dan menggunakan ruang-ruang yang ada bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk riadah, kebudayaan, kekeluargaan dan juga kemasyarakatan.

Program Bandarku Ceria diperkenalkan pada tahun 2016, di mana tujuan utama program ini ialah untuk menghidupkan suasana BSB dan menjadikannya sebagai sebuah bandar yang dinamik, 'vibrant' serta unggul, di samping memberi peluang kepada rakyat dan penduduk di negara ini untuk beriadah sambil menikmati suasana pagi pada setiap Ahad.

PUSAT BELIA TUTONG DINAIK TARAF

TUTONG, Sabtu, 8 Ogos 2020 - Warga emas harus dihormati dan diberi perhatian, hak dan keperluan mereka perlu dijaga demi memastikan kelangsungan kualiti kehidupan mereka yang lebih bermakna.

"Sebagai langkah persediaan dan perancangan untuk menghadapi peningkatan bilangan warga emas di negara ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah dan akan terus menyediakan perkhidmatan komprehensif dan berkualiti terhadap golongan warga emas, bukan sahaja melalui perkhidmatan yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), malah penting lagi melalui program-program yang dilaksanakan melalui 'Pelan Tindakan Isu Warga Emas'.

''Antaranya ialah penyediaan perkhidmatan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) dalam memberikan pembelajaran sepanjang hayat, termasuk 'Program Literasi Informasi Teknologi' yang dikendalikan oleh AITI di PKWE seluruh negara," jelas Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maidin bin Pengiran Haji Said pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Penaiktarafan Pusat Belia Daerah Tutong, yang diadakan di pusat berkenaan.

Tambahnya, pengagihan komputer juga dilaksanakan untuk tujuan warga emas yang literasi IT bagi menjulang hasrat negara ke arah Revolusi Industri 4.0.

Terdahulu jelasnya, warga emas merupakan aset negara yang sangat bernilai bagi sesebuah negara, bukan sahaja kerana jasa dan sumbangan mereka dalam membangun masyarakat dan negara, malah atas pengetahuan dan pengalaman mereka yang boleh dimanfaatkan oleh generasi seterusnya sebagai teladan dan panduan hidup.

Tidak dinafikan bahawa kesejahteraan hidup dan pembangunan yang kita nikmati pada masa ini adalah hasil titik peluh generasi terdahulu yang kini menjadi warga emas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan sijil kepada para penaja dan seterusnya melancarkan Akademi IT (Kelas Komputer) dan penyerahan 'Buku Garis Panduan Pusat Kegiatan Warga Emas' kepada empat orang Pengurus PKWE.

Dengan adanya buku berkenaan, adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran dan kewangan di setiap PKWE akan dilaksanakan dengan sistematik dan teratur.

Salah satu usaha pihak kerajaan untuk menghargai belia ialah dengan menyediakan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian dan mencukupi untuk digunakan, bukan semata-mata kerana kemudahan-kemudahan itu nampak elok dan moden, akan tetapi hasrat di sebaliknya untuk menyediakan satu landasan atau platform bagi para belia, khususnya para belia di Daerah Tutong untuk merebut peluang dan ruang untuk terus maju dan mencapai kecemerlangan dalam berbagai-bagai aspek yang mereka ceburi.

Dengan penaiktarafan pusat tersebut, adalah diharapkan akan dapat dimanfaatkan oleh golongan belia di daerah tersebut untuk memudahkan mereka berkumpul dan melakukan kegiatan-kegiatan yang mendatangkan impak kepada pembangunan diri masing-masing.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung; Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya, juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong; Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai; Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap, KKBS; Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin; Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, KKBS, Dayang Mariam binti Ulat; serta pegawai-pegawai kerajaan.

PASAR KITANI: BANTU KUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Ogos 2020- Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dengan kolaborasi bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah pun secara rasminya melancarkan 'Program Gerai Hujung Minggu Pasar Kitani', iaitu sebuah program yang akan memberikan platform alternatif bagi memasarkan hasil produk pertanian para pengusaha dan peladang tempatan dalam usaha untuk mengukuhkan lagi sektor pertanian di negara ini.

Hadir bagi melancarkan program tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, yang diadakan di Concourse Ruang, Kawasan Letak Kereta VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Seramai 43 pengusaha dan peladang tempatan menyertai petak jualan program ini yang terdiri daripada mereka yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan dan produk tambah nilai agrimakanan (makanan berproses) yang menggunakan hasil produk tempatan sebagai bahan asas dalam produk mereka.

Antara produk-produk berasaskan pertanian yang dijual ialah pisang, rambutan, mulberi, salad, asparagus, petai, telur ayam, telur itik, telur puyuh, telur masin, selain kopi robusta dan arabika tempatan, dan juga jus dan acar buah dari buah-buahan tempatan.

Di samping menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi para pengusaha dan peladang tempatan untuk meningkatkan produktiviti masing-masing, ia juga adalah bagi membantu para pengusaha dan peladang tempatan dalam membekalkan hasil segar tempatan berkualiti tinggi terus kepada pelanggan, selain platform untuk berinteraksi terus dengan orang ramai dan seterusnya mempromosikan hasil segar dari ladang masing-masing.

Melalui program ini diharapkan akan dapat membantu para pengusaha dan peladang tempatan mendapat peluang meluaskan pasaran dan jaringan perniagaan, serta 'business matching', di samping potensi untuk mengembangmajukan perniagaan para pengusaha dan peladang tempatan.

Selain itu, ia juga diharap akan meningkatkan keluaran hasil ladang sehingga mampu menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam.

Aktiviti jualan program ini turut dapat diakses secara dalam talian (online) melalui aplikasi 'Ta-Pow', iaitu hasil kerjasama pihak KSSUP bersama dengan salah sebuah syarikat pembangunan aplikasi tempatan, iaitu 'Ta-Pow.com'.
Oleh itu, bagi orang ramai yang tidak berkesempatan untuk mengunjungi tempat jualan berkenaan, awda bolehlah mendapatkan khidmat penghantaran terus melalui aplikasi tersebut.

Program ini akan diadakan pada setiap Ahad, bermula dari jam 6.00 hingga 11.00 pagi.

Bagi menyertai program ini, peserta mestilah dalam kalangan pengusaha dan peladang tempatan yang berdaftar di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan kepada awda yang berminat untuk menyertainya, awda bolehlah menghubungi Urusetia Program Gerai Hujung Minggu Pasar Kitani melalui talian +673 2470400.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'; Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin, selaku Penghulu Mukim Gadong 'A'; Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari, selaku Ketua Kampung Limau Manis; Setiausaha-Setiausaha Tetap kementerian berkenaan; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap kementerian berkenaan; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan; serta para pegawai dan kakitangan daripada kementerian-kementerian berkenaan, termasuk jabatan-jabatan di bawahnya.

PWE DAERAH BELAIT RAI SAMBUTAN JUBLI PERAK

KUALA BELAIT, Ahad, 9 Ogos 2020 - Warga emas merupakan khazanah negara yang kaya dengan pengalaman dan kebijaksanaan bermanfaat, yang telah mencurahkan pengorbanan tinggi khususnya dalam membangun negara hingga lahirnya generasi pada masa ini.

Sesuai dengan peredaran masa, ahli warga emas juga diseru untuk menyesuaikan diri dengan aktiviti persatuan dan situasi semasa agar ia sentiasa relevan.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat sempena Sambutan Jubli Perak Pertubuhan Persatuan Warga Emas (PWE) Daerah Belait.

Yang Berhormat seterusnya menzahirkan rasa berbesar hati atas pencapaian PWE melalui aktiviti kemasyarakatan, keagamaan dan kenegaraan, di samping keupayaan PWE dalam menyatukan serta meningkatkan jumlah ahli-ahli di sepanjang 25 tahun penubuhannya sejak 12 Julai 1995.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat juga menyuarakan apakah impak yang ingin dicapai bagi masyarakat serta negara pada masa ini dan masa hadapan, khususnya dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

"Amatlah mustahak bagi ahli untuk meneruskan usaha di samping memanfaatkan kaedah baharu, untuk menjamin kesejahteraan melalui kemuafakatan secara 'Whole Of Nation' dan bangkit dengan idea kolektif untuk bergerak ke landasan yang lebih tinggi menuju Wawasan Brunei 2035," tambah Yang Berhormat.

Majlis terlebih dahulu diserikan dengan persembahan Asmaa-ul Husna oleh Ahli-ahli Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara Pandan dan Masjid Sungai Teraban diikuti ucapan alu-aluan Yang Dipertua PWE, Dr. Haji Mohd Shah bin Ahmad.

Dalam ucapannya, antara lain menyeru dan mengajak golongan warga emas untuk menjadi ahli persatuan di mana saja berada, untuk sama-sama berdiri dan menyumbang dengan pemikiran lebih kreatif untuk pembangunan negara.

Majlis yang berlangsung di Dewan Perpustakaan Kampung Pandan juga mengetengahkan galeri produk daripada ahli PWE seperti kraf tangan dan juadah makanan.

Kebanyakan ahli-ahli PWE kini berusia 70 ke 80 tahun. Sehubungan itu, PWE mengajak serta mengalu-alukan penduduk Daerah Belait yang berumur 50-an dan 60-an untuk menyertai dan menjadi ahli PWE Daerah Belait bagi meramaikan lagi keahliannya sekali gus menjalankan serta memperbanyakkan kegiatan dan aktiviti sebagai visi serta misi persatuan berkenaan.

BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN BUAT MANGSA KEBAKARAN KAMPUNG SUBOK
10 Ogos 2020
BILIK KUNJUNGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

MANGSA KEBAKARAN TERIMA BANTUAN
11 Ogos 2020
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BOOKSYS, RUANG KHUSUS BANTU PERGERAKAN BELIA

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos 2020 - Pusat Belia di ibu negara sekarang mempunyai sistem tempahan bernama BOOKSys bagi memberikan kemudahan pengurusan tempahan seperti ruang, bilik dan dewan di Pusat Belia khusus untuk pergerakan belia yang bergabung di bawah Majlis Belia Brunei (MBB).

Majlis Belia Brunei (MBB) merupakan salah satu rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), yang bergerak selaku Badan Induk kepada persatuan-persatuan belia di negara ini. Oleh yang demikian, sebuah ruang khusus telah diamanahkan kepada pihak MBB untuk dijadikan sebagai pejabat operasi mereka.

Ruang tersebut akan digunakan khusus untuk merancang serta melaksanakan program-program kebeliaan dan sebagainya, dalam keadaan yang kondusif dan lokasi yang strategik.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said semasa memberikan ucapan alu-aluan pada Majlis Doa Kesyukuran bagi Penaiktarafan Fasiliti Pusat Belia Bandar Seri Begawan dan Pelancaran Pejabat Majlis Belia Brunei, bertempat di Dewan Silaturahim pusat berkenaan.

Pihak KKBS, tambahnya, akan terus melangkah ke hadapan dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dengan menjalinkan kerjasama yang utuh dengan rakan-rakan strategik seperti agensi-agensi kerajaan, swasta dan persatuan-persatuan serta perusahaan-perusahaan yang diterajui oleh para belia kitani.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Penaiktarafan fasiliti dan kemudahan di Pusat Belia Bandar Seri Begawan merupakan salah sebuah Projek Jabatan Belia dan Sukan dalam perancangan Penjenamaan Semula (Rebranding) Pusat Belia.

Tetamu kehormat seterusnya menyaksikan Galeri Pameran yang mempamerkan hasil seni fotografi dan lukisan dari empat orang belia berbakat tinggi, sebelum meneruskan lawatan ke beberapa fasiliti yang telah dinaikkan taraf, seperti Dewan Silaturahim, Bilik Sindiket dan surau.

Penaiktarafan tersebut merupakan kesinambungan kepada penaiktarafan Asrama Pusat Belia, Ruang Belia Kitani dan Shared Kitchen yang telah dibukakan semula penggunaannya.

Antara lain tujuan penaiktarafan tersebut adalah untuk membarigakan kepada orang ramai terutama pertubuhan-pertubuhan belia, persatuan, kelab dan alumni program-program belia serta untuk dijadikan ruang galeri pameran, tempat berforum, kegiatan keagamaan mahu pun majlis-majlis rasmi.

Majlis juga menyaksikan pelancaran Pejabat Majlis Belia Brunei yang disempurnakan oleh tetamu kehormat, serta pelancaran Sistem Tempahan BOOKSys dan Program Memperkasa Keusahawanan Belia (YEEP) yang dikendalikan oleh MBB.

BOOKSys boleh diakses melalui Laman Sesawang MBB di pautan 'https://majlis-belia-brunei.reservio.com'.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad; Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii; Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari; Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad; Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari serta Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

BEBERAPA PERUBAHAN, PELAKSANAAN PERKEMBANGAN TAHAP PELAN 'DE-ESCALATION' BERMULA 17 OGOS

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos 2020 - Beberapa perubahan dan pelaksanaan perkembangan tahap pelan 'de-escalation' akan bermula pada Isnin, 27 Zulhijah 1441 bersamaan 17 Ogos 2020 bagi pusat-pusat sukan, termasuk kolam renang dan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (CCC), Pusat Orang Kelainan Upaya (OKU), Muzium, Galeri Pameran, Perpustakaan dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyatakan perkara tersebut, semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Bagi pusat-pusat sukan, jelas Yang Berhormat, tidak ada perubahan terhadap pelan 'de-escalation' tahap keempat bagi gim dan 'fitness centres', fasiliti sukan tertutup (indoor), fasiliti sukan luar (outdoor) dan padang golf, seperti mana yang dimaklumkan semasa Sidang Media pada 22 Julai 2020, kecuali pengemaskinian garis panduan bagi sukan berpasukan, iaitu peningkatan daripada 10 menjadi 15 orang dalam satu kumpulan bagi menjalani program latihan sahaja.

Yang Berhormat, seterusnya mengongsikan, 'organised sports' dan perlawanan (competition) masih tidak dibenarkan.

Daripada aspek statistik, jelasnya, 289,096 pengunjung menggunakan pusat-pusat sukan di seluruh negara, termasuk gim dan 'fitness centres', fasiliti-fasiliti sukan, padang golf, 'bowling alley' dan kolam renang sejak 16 Mei 2020.

Bagi kolam renang, menurutnya, perlaksanaan pelan 'de-escalation' tahap kedua adalah diubah ke tahap ketiga, iaitu penggunaan ditingkatkan daripada 60 peratus menjadi 80 peratus kapasiti dalam satu masa, tertakluk kepada kapasiti ruang dan penggunaan dibukakan kepada semua peringkat umur.

Selain itu, tambahnya, kolam renang akan dibukakan setiap hari dan dihadkan kepada dua jam sehari bagi setiap individu juga kolam-kolam renang di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan dibukakan mulai jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang dan ditutup jam 12.00 tengah hari hingga jam 2.00 petang kecuali pada Jumaat, di mana ia akan ditutup pada jam 11.30 pagi hingga jam 2.00 petang.

Manakala, hari-hari operasi bagi kolam-kolam renang lain adalah tertakluk kepada pemilik masing-masing.

Sementara itu, bagi CCC, Pusat OKU, Muzium, Galeri Pameran dan Perpustakaan, Yang Berhormat menjelaskan, pelaksanaan pelan 'de-escalation' tahap ketiga adalah diubah ke tahap keempat, iaitu CCC akan beroperasi semula seperti biasa dengan 100 peratus kapasiti, tertakluk kepada ruang dan dibukakan kepada kanak-kanak tanpa mengehadkan umur juga tidak mempunyai simptom, seperti demam, selesema atau berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan yang teruk.

Kebenaran bagi pusat berkenaan untuk beroperasi di tahap keempat, ujarnya, adalah tertakluk kepada kelulusan hasil pemeriksaan pihak KKBS.

Bagi Pusat OKU, terangnya, adalah dibenarkan beroperasi semula seperti biasa dengan 100 peratus kapasiti dan dibukakan kepada semua golongan OKU yang tidak mempunyai penyakit kronik.

Muzium, Galeri dan Perpustakaan pula, jelasnya, adalah dibenarkan untuk beroperasi dengan kapasiti tidak melebihi 100 orang dalam satu masa, tertakluk kepada kapasiti ruang berkenaan.

Manakala, bagi PKWE menurutnya, pelaksanaan pelan 'de-escalation' tahap kedua adalah ditingkatkan ke tahap ketiga, iaitu penggunaan ditingkatkan daripada 60 peratus menjadi 80 peratus kapasiti dalam satu masa, tertakluk kepada kapasiti ruang pusat berkenaan.

''Sukacita diingatkan bahawa syarat dan garis panduan lain bagi CCC, Pusat OKU, Muzium-muzium, Galeri-galeri Pameran dan Perpustakaan dan PKWE adalah sama seperti yang sedang dilaksanakan.

''Dalam pada itu, sukacita sekali lagi diingatkan untuk sentiasa mematuhi garis pandu Kementerian Kesihatan, khususnya dalam mengamalkan tanggungjawab sosial (social responsibility), penjarakan fizikal (physical distancing), serta memastikan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa demi memastikan keselamatan semua pihak.
Pemeriksaan suhu badan, pensanitasi tangan dan penggunaan aplikasi BruHealth untuk tujuan pendaftaran dan mengimbas Kod QR apabila masuk dan keluar setiap pusat dan fasiliti adalah terus dilaksanakan,'' ujar Yang Berhormat lagi.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah merujuk kepada garis pandu terperinci yang disediakan oleh KKBS dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dengan melayari laman sesawang 'www.kkbs.gov.bn'.

9, 984 BERDAFTAR BERSAMA SKN

BERAKAS, Khamis, 13 Ogos 2020 - Seramai 9,984 mendaftar di Sistem Kebajikan Negara (SKN) dan dalam masa yang sama, seramai 2,866 orang memohon bagi bantuan melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) atau Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), iaitu 1,422 orang memohon melalui JAPEM dan seramai 1,444 orang pula memohon bantuan melalui MUIB.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyatakan perkara tersebut dalam sesi soal jawab bersama media tempatan mengenai SKN pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut mengongsikan bahawa terdapat permasalahan yang timbul bagi sebilangan orang ramai yang memerlukan bantuan untuk mendaftar di dalam sistem tersebut.

''Ingin saya maklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama MUIB, 'we have a task force to look into this', di mana di semua pejabat di JAPEM menyediakan bagi orang ramai untuk diberikan bantuan untuk mendaftar atau pun mengisi permohonan,'' ujarnya lagi.

Setakat pada hari ini, tambahnya, lebih kurang 3,300 orang telah dibantu untuk mengisi dan mendaftar ke dalam sistem tersebut, sama ada di KKBS atau Cawangan JAPEM di Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong.

Bermula pada 4 Ogos 2020 lalu, menurutnya, pihak JAPEM telah pergi ke kampung-kampung untuk memberikan bantuan kepada mereka yang ingin memasuki SKN, di mana sebanyak 17 buah kampung dikunjungi untuk memberikan bantuan kepada orang ramai bagi mengisi atau apa jua permasalahan yang timbul.

PKBN ADAKAN JERAYAWARA DI THE MALL, GADONG

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 OGOS 2020 - Belia lelaki dan perempuan berumur di antara 16 hingga 21 tahun yang berkelayakan adalah dijemput dan dialu-alukan untuk menjadi Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-10 yang akan bermula pada penghujung bulan November nanti.

Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Urusetia Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) mengadakan jerayawara selama 3 hari bermula 14 Ogos (Jumaat) hingga 16 Ogos (Ahad), di The Mall Gadong.

Jerayawara bertujuan untuk mempromosikan serta memberigakan program berkenaan kepada orang ramai khususnya remaja-remaja di negara ini yang berminat untuk menyertai PKBN pengambilan ke-10.

Pendaftaran bagi pengambilan ke-10 kini telah dibukakan kepada orang ramai dan permohonan boleh dibuat melalui secara dalam talian menerusi **ysnet.gov.bn** atau mengambil borang pendaftaran di kaunter Perkhidmatan di Ibu Pejabat BKBN, Anggerek Desa Berakas.

Tarikh untuk mengembalikan borang pendaftaran adalah pada 7 November 2020 di Ibu Pejabat BKBN, Anggerek Desa.

Statistik menunjukkan peningkatan setiap tahun pengambilan Pelatih PKBN, sekali gus menandakan sambutan yang menggalakkan daripada belia-belia yang tidak terikat dengan sebarang persekolahan atau pekerjaan sepanjang jangka waktu latihan dijalankan.

Pada tahun ini, PKBN ingin mencapai sasaran 450 pendaftaran pelatih, lebih-lebih lagi dengan kemudahan perjalanan melalui Jambatan Sultan Omar 'Ali Saifuddien ke Daerah Temburong di mana Kem Latihan PKBN terletak.

Program berkenaan akan berjalan sehingga 11 Mac 2021 di mana acara kemuncak adalah upacara perbarisan tamat latihan. Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat 2, BKBN, Dayang Wardina binti Haji Abdul Wahab telah mengongsikan kelebihan menyertai program PKBN, yang mana menurutnya, para pelatih berpeluang untuk menambah pengetahuan mereka secara meluas.

Para pelatih akan menjalani latihan pembentukan jati diri, dengan melalui beberapa proses pendidikan dan pendedahan serta latihan disiplin dan fizikal dengan berpandukan dan berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Mereka juga akan diberikan peluang dalam program bidang keusahawanan dan mempelajari lebih mendalam tentang keusahawanan menerusi taklimat oleh pihak LiveWIRE.

Menyentuh mengenai jerayawara berkenaan, beliau berharap akan mendapat menarik remaja yang berminat untuk menjadi pelatih bagi pengambilan akan datang.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi Urus Setia PKBN di talian 2340045. Maklumat mengenai kemasukan PKBN pengambilan ke-10 juga boleh dilayari melalui laman sesawang PKBN **(pkbn.gov.bn)** ataupun Instagram PKBN.

PWB RAI ULANG TAHUN PENUBUHAN PERTAMA

BERAKAS, Isnin, 24 Ogos 2020 - Pertubuhan WARGAMAS Brunei (PWB) meraikan Ulang Tahun Pertamanya dalam satu majlis yang berlangsung di Restoran Vanda, Hotel Mulia, Anggerek Desa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Pertama PWB ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang diketuai oleh Imam Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat dan diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Dato Paduka Haji Mohd Yusof bin Haji Abu Bakar.

Dalam ucapan alu-aluan Yang Di-Pertua PWB, Pengiran Haji Mohd Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin melahirkan rasa syukur atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan kerana menyediakan satu banglo sebagai pejabat dalam menjalankan operasi pertubuhan berkenaan.

Menurutnya lagi, PWB akan dapat terus berkembang dengan bantuan para ahli-ahlinya yang mempunyai pelbagai kepakaran dan latar belakang serta kepimpinan dalam bidang perekonomian, keagamaan dan Melayu Islam Beraja.

Tambahnya, pelbagai aktiviti juga akan terus dilaksanakan seperti mana yang dijanjikan oleh pimpinan PWB yang ada pada ketika ini walaupun berdepan dengan cabaran penularan jangkitan wabak COVID-19.
Beliau turut melahirkan rasa syukur atas sokongan padu ahli-ahli PWB dalam sama-sama mengungkayahkan pelbagai aktiviti bagi sama-sama menyumbang ke arah perkembangan pertubuhan berkenaan sehingga dapat mencapai usia satu tahun penubuhannya.

Majlis pada pagi tersebut turut diserikan dengan tayangan video aktiviti-aktiviti PWB berjudul 'Sejambak Kasih WARGAMAS' dan persembahan tausyeh daripada Ahli-ahli Wanita PWB.

KESEJAHTERAAN WARGA EMAS SENTIASA DIAMBIL BERAT

BERAKAS, Isnin, 24 Ogos 2020 - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat mengenai kesejahteraan, hal ehwal dan kepentingan warga emas selaku insan yang wajar dihormati dan dijaga.

''Negara Brunei Darussalam, sebagai sebuah 'Ageing Nation', perkara ini amatlah penting memandangkan jumlah penduduk golongan warga emas terus meningkat di mana lebih 8 peratus daripada rakyat dan penduduk adalah warga emas,'' jelas Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Pertama Pertubuhan WARGAMAS Brunei (PWB) yang berlangsung di Hotel Mulia, Anggerek Desa, Berakas.

Tambahnya, penglibatan warga emas melalui Pertubuhan dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) merupakan platform yang mustahak dalam memastikan pembangunan warga emas yang produktif dan sihat dalam sama-sama merealisasikan hasrat Pelan Tindakan Warga Emas.

''Kita juga amat menyambut baik usaha pertubuhan untuk terus bersama menjaga kesejahteraan di samping melibatkan golongan warga emas untuk sama-sama menangani cabaran yang dihadapi pada masa ini ke arah turut memainkan peranan demi mencapai Wawasan Brunei 2035,'' jelas Yang Berhormat.

Menurut yang berhormat lagi, Pertubuhan WARGAMAS terus mencatat kemajuan dan bergerak ke hadapan khususnya dalam menyatupadukan golongan warga emas dari keempat-empat daerah dalam menyumbangkan tenaga dan bakti hingga kini telah mencapai ahli seramai 800 orang.

Jelasnya, Ini menunjukkan komitmen dan potensi tinggi Pertubuhan WARGAMAS sebagai organisasi yang mampu untuk berdiri sendiri dan berdaya tahan ke arah mencapai matlamat yang sama dalam menentukan kedudukan dan kepentingan warga emas di Negara Brunei Darussalam secara 'Whole Of Nation'.

Yang Berhormat turut menekankan mengenai pentingnya kesatuan dan kesepakatan untuk bergerak bersama ke arah objektif yang sama, khususnya pemartabatan warga emas.

''Sebagai mata dan telinga pihak kerajaan, apa yang sangat diharapkan ialah bagi Pertubuhan WARGAMAS untuk menambah dan meningkatkan (complement and supplement) usaha-usaha yang sudah dilaksanakan khususnya komitmen dalam sama-sama menangani cabaran semasa termasuk dalam bidang sosioekonomi dan pengangguran,'' jelas Yang Berhormat lagi.

Tambah Yang Berhormat, potensi tinggi bagi Pertubuhan WARGAMAS untuk bekerjasama dengan PKWE sebagai ruang dan peluang untuk bergiat aktif agar tidak terpinggir. Inilah kelebihan dan kekuatan warga emas, iaitu kesatuan untuk bergerak bersama demi kepentingan golongan emas di seluruh negara.

''Di samping tumpuan kepada perkara-perkara strategik, apa yang turut penting ialah bagi Pertubuhan WARGAMAS untuk terus fokus kepada perkara-perkara 'niche' atau khas yang memberikan impak tersendiri kepada golongan warga emas,'' ujarnya.

Menurutnya, topik-topik seperti kesihatan, demensia, penuaan aktif dan kepentingan masyarakat untuk memeduli warga emas adalah sangat kritikal dan memerlukan kerjasama rapat untuk disebarluaskan dan dipraktikkan secara efektif.

Dalam mengakhiri ucapan, Yang Berhormat menyeru semua pihak untuk bergerak ke hadapan dalam menyatupadukan warga emas untuk berganding bahu dan bekerjasama dengan pihak kerajaan, agensi bukan kerajaan dan sektor swasta bagi sama-sama memastikan pencapaian kesemua objektif Pelan Tindakan Warga Emas.

KKBS SEMARAKKAN SAMBUTAN AWAL TAHUN HIJRAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Ogos 2020 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya, hari ini, mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1442, yang berlangsung di Dewan Teater PDS, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Majlis diserikan dengan ceramah, disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Naqib bin Haji Awang, berkisar mengenai tema Sambutan Awal Tahun Hijrah Kebangsaan 1442 Hijrah, iaitu 'Generasi Berilmu, Beramal dan Berakhlak Memacu Pembangunan Umat'.

Ceramah beliau, antara lain menyentuh mengenai peristiwa agung penghijrahan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Kota Makkah Al-Mukarramah ke Kota Madinah Al-Munawwarah.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diketuai oleh Tenaga Pengajar Al-Quran, Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Abd. Halim bin Haji Fuad, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia, Awang Muhamad Khaizuran Amali bin Awang Haji Kamsani.

Manakala tafsirannya dibacakan oleh Pembantu Perpustakaan Tingkat 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Ali Shahbana bin Haji Mohsin.

Hadir sama, Setiausaha Tetap, Pengiran Haji Mohammad Hasnan bin Pengiran Haji Ali; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan; dan pegawai juga kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sambutan seumpama ini merupakan antara aktiviti keagamaan yang diadakan setiap tahun oleh KKBS bagi sama-sama memeriahkan hari-hari kebesaran Islam, di samping memupuk kerjasama juga silaturahim dalam kalangan warga kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

TAKLIMAT 'LIFE SAVER 995 ON FIRE AND SAFETY'
29 Ogos 2020
Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas

KURSUS 'FIRE MARSHAL'
31 Ogos 2020 hingga 2 September 2020
Pusat Teknikal, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Berakas

KURSUS WEBINAR: JALAN MENUJU KEBAHAGIAAN
31 Ogos 2020
Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

LAPAN KOMUNITI TEMPATAN TERIMA AED

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 OGOS 2020 – Sempena ulang tahun penubuhannya yang ke-17, Fitness Zone dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menyumbangkan lapan unit Automated External Defibrillator (AED) kepada lapan komuniti tempatan yang dikenal pasti memerlukan alat berkenaan.

Hadir menyampaikan sumbangan berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sumbangan diterima oleh wakil dari Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Stadium Tertutup Berakas, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pusat Belia, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Sekolah Menengah Chung Hwa, Sekolah St Andrew's dan Universiti Brunei Darussalam.

AED merupakan alat kecemasan elektronik mudah alih yang digunakan semasa kecemasan yang berfungsi membantu memerangi beberapa risiko seperti serangan jantung dan lain-lain.

Mesin berkenaan juga boleh mengenal pasti tanda-tanda masalah yang ada pada pesakit dan boleh memberi rawatan kecemasan awal seperti mereka yang mengalami serangan jantung, di mana mesin berkenaan berfungsi untuk membantu menghidupkan kembali degupan jantung pesakit.

Pemilik Fitness Zone, Wu Chun berkata, dengan adanya sumbangan unit kecemasan berkenaan, ia akan dapat memberikan kembali kepada komuniti yang telah memberikan sokongan berterusan kepada Fitness Zone dalam industry kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam ucapannya itu, beliau juga menyentuh statistic Kementerian Kesihatan pada2017 di mana, hampir 10 peratus penduduk di negara ini yang berumur sekitar 40 hingga 69 tahun mempunyai 30 peratus risiko lebih tinggi untuk mendapat serangan jantung atau strok dalam 10 tahun mendatang.

Manakalaitu, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam ucapan ringkasnya pula mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan sumbangan yang diberikan oleh Fitness Zone. Dengan adanya sumbangan berkenaan, ia akan dapa tmembantu mereka yang mempunyai risiko tinggi dan akan dapat mencegah daripada perkara-perkara yang tidak diingini, tambah beliau.

PEGAWAI DAN KAKITANGAN KKBS & JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA YANG: NAIK PANGKAT / PINDAH DAN BARU MELAPOR

Naik Pangkat

BIL.	NAMA	DARI	KE	TARIKH NAIK PANGKAT
1	Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus	BPK, KKBS Pegawai Pentadbir Kanan	BPK Pengarah	21 April 2020

Pindah

BIL.	NAMA	DARI	KE	TARIKH BERPINDAH
1	Dayang Hajah Annisa Binti Haji Bahar	Unit Teknologi Maklumat, KKBS	Divisyen Sumber Tenaga Manusia, Ibu Pejabat Pusat Kebangsaan E-Kerajaan	10 Ogos 2020
2	Dayang Norazerina Arisha Binti Abdul-lah jiram	Unit Teknologi Maklumat, KKBS	Kementerian Tenaga	10 Ogos 2020
3	Dayang Umi Faizura Binti Ismail	Kementerian Tenaga	Unit Teknologi Maklumat, KKBS	11 Ogos 2020
4	Awang Muhd Fadhil Fikri bin Suhaili	Divisyen Sumber Tenaga Manusia, Ibu Pejabat Pusat	Unit Teknologi Maklumat, KKBS	19 Ogos 2020

i-Ready APPRENTICESHIP PROGRAMME

BIL.	NAMA	TEMPAT	TARIKH BERMULA
1	Dayang Nurin Najla @ Motia'ah Binti Hisamwadi	BPS, KKBS	31 Ogos 2020
2	Awang Wong Wee Li	Pejabat Yang Berhomart Menteri	31 Ogos 2020

PENEMPATAN PELAJAR-PELAJAR DARI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BIL.	NAMA	MAJOR	TEMPAT
1	Dayang Nurul Nadhirah Binti Saffary	History & International Studies	Bahagian Penyelidiikan, Perkem-bangan dan Hal Ehwal Antrabangsa (BPPA), KKBS
2	Awang Nizam bin Abdul Azim	History & International Studies	Bahagian Kesenian dan Kebudayaan (BKK), KKBS
3	Awang Muhammad Mittah bin Asmalee	History & International Studies	Bahagian Kesenian dan Kebudayaan (BKK), KKBS
4	Dk Nurmirza Syahmi Batrisyia Binti Pg Haji Iskandar Zulkarnaen	Sociology / Antroplology	Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap (TSUT-KW)
5	Awang Mohammad Edry Hazirul bin Awang Kifrawi	Sociology / Antroplology	Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), KKBS
6	Dk Aiman Nazihah Daraina Binti Pg Azman	Sociology / Antroplology	Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), KKBS
7	Dayang Fatin Farah Nabilah Binti Ismail Shahdan	Sociology / Antroplology	Jabatan Belia dan Sukan (JBS), KKBS
8	Dayang Fatin Adilah Binti Mahadi	Design / Creative Industries	Jabatan Belia dan Sukan (JBS), KKBS

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
12 Muharram 1442 / 31 Ogos 2020

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bagi Isnin, 12 Muharram 1442H bersamaan 31 Ogos 2020M, setakat jam 12.00 tengah hari.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	144		
	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
	2	3	139

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
455	4,988

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
115 sampel	51,856 ujian

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn.**